

KEMAMPANAN HUTANG DAN FISKAL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Oleh: Abdul Aziz Awang

Pada akhir-akhir ini ramai pihak yang mempersoalkan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan yang melonjak dengan kadar luar biasa. Ada pendapat yang menyatakan bahawa hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan telah berada pada peringkat kritikal dan boleh menyebabkan berlakunya krisis hutang. *The Wall Street Journal* melaporkan bahawa ahli-ahli ekonomi memberi amaran kenaikan hutang dalam negeri boleh menyebabkan ekonomi Asia yang kukuh (termasuk Malaysia) berhadapan dengan risiko krisis. Agensi penarafan antarabangsa, *Fitch Rating* menyatakan Kerajaan perlu mempunyai pelan jangka pendek bagi mengurangkan defisit fiskal kepada 3% dan mengurangkan nisbah hutang/KDNK kepada 50% pada tahun 2015. *Fitch Rating* juga menyarankan supaya Kerajaan melaksanakan reformasi fiskal bagi mengurangkan subsidi, melebarkan asas cukai serta mengurangkan pergantungan hasil kepada sumber yang berasaskan kepada petroleum.

Hakikat sebenarnya ialah peratusan hutang/KDNK Malaysia pada masa ini bukannya berada pada tahap paling buruk dalam sejarah. Sejak 1970, peratusan hutang Kerajaan Persekutuan terhadap KDNK adalah

turun naik daripada 36.1% pada 1970 kepada paras tertinggi 103.4% pada 1986. Peratusan ini berkurangan kepada 41.3% pada 2008, dan kembali meningkat kepada kira-kira 50.9% pada tahun 2012 berikutan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal pada tahun 1999 dan 2000 bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi 1998 (**Jadual 1**).

Jadual 1

**KEDUDUKAN HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN,
BAYARAN KHIDMAT HUTANG DAN IMBANGAN FISKAL**

Year	Hutang Kerajaan Persekutuan (RM Billion)				Bayaran Khidmat Hutang	Imbangan Fiskal (% drp. KDNK)
	Dalam Negeri	Luar Negara	Jumlah	% drp. KDNK		
1970	4.3	-	4.3	36.1	10.9	-3.8
1975	9.0	2.4	11.4	51.0	12.6	-8.4
1978	13.8	3.7	17.5	46.1	16.0	-5.8
1980	15.9	4.7	20.6	38.6	15.0	-6.8
1985	41.0	23.0	64.0	82.5	26.9	-5.6
1986	46.0	28.3	74.0	103.4	26.1	-10.3
1988	63.0	26.0	89.0	96.4	29.1	-3.6
1990	70.0	25.0	95.0	79.5	27.3	-2.9
1995	78.2	13.3	92.0	41.2	17.8	0.8
2000	107.0	19.0	126.0	35.2	16.0	-5.5
2005	199.0	30.0	229.0	43.8	11.9	-3.4
2008	286.1	20.3	306.4	41.3	8.1	-4.6
2010	390.3	17.0	407.1	51.2	10.3	-5.4
2011	438.0	18.1	456.1	51.8	9.7	-4.8

2012	459.0	18.0	477.0	50.9	10.1	-4.5
------	-------	------	-------	------	------	------

Sumber: Laporan Ekonomi, Perbendaharaan

Bayaran Khidmat Hutang iaitu peratus bayaran faedah hutang berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus pernah mencapai paras tertinggi 29.1% pada tahun 1988 berikutan jumlah pinjaman yang besar yang dibuat pada awal 1980an. Pada pertengahan 1980an, kedudukan ekonomi Malaysia adalah muram disebabkan kemelesetan ekonomi dunia akibat kejatuhan harga komoditi. Malaysia pula dibebani jumlah hutang yang besar kerana pinjaman besar telah dbuat pada awal 1980an sehingga berlakunya defisit kembar pada 1986 iaitu defisit fiskal dan defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Pada tahun tersebut juga jumlah hasil Kerajaan tidak cukup untuk menampung perbelanjaan mengurus. Pada 2012, bayaran khidmat hutang hanya berada pada paras 10.1% iaitu satu kadar yang sederhana berbanding dengan tahun-tahun 1985-1990 yang melebihi 20%.

Oleh yang demikian, untuk menilai samada sesebuah negara mengalami bebanan hutang atau sebaliknya ia harus dinilai berdasarkan kemampuan sesebuah negara membayar hutangnya. Kemampuan sesebuah negara membayar hutang pula bergantung kepada dan kemampuan fiskal dan kekukuhan asas-asas ekonomi sesebuah

negara dan bukannya berdasarkan peratusan jumlah hutang terhadap KDNK semata-mata. Jepun merupakan negara yang mempunyai peratusan hutang tertinggi di dunia pada kadar 221.3% pada tahun 2012. Di kalangan negara ASEAN pula, Singapura mempunyai peratusan kadar hutang tertinggi iaitu 107.6% daripada KDNK pada tahun 2012. Namun kedua-dua negara tersebut merupakan antara dua kuasa ekonomi utama Asia selain China dan Korea, yang mempunyai asas-asas ekonomi yang kukuh. Hampir keseluruhan hutang Kerajaan Jepun dan Singapura adalah dalam matawang tempatan. Begitu juga Malaysia, hutang dalam negeri merangkumi 96.2% daripada jumlah keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan. Pergantungan kepada hutang dalam negeri menyebabkan sesebuah negara itu dapat meminimalkan risiko pertukaran matawang asing.

Kemampuan hutang sesebuah negara juga bergantung kepada beberapa indikator lain seperti pertumbuhan KDNK, peratusan defisit fiskal, imbangan dagangan, kadar inflasi, kadar pengangguran, kadar tabungan dan sebagainya. Sesuatu yang membanggakan bagi Malaysia ialah mengenai kestabilan makroekonominya. Di sebalik pertumbuhan sederhana ekonomi dunia akibat krisis di Euro serta kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang membanggakan pada setiap suku tahun dalam tahun 2012. Dalam suku

tahun pertama tahun 2012, KDNK berkembang sebanyak 4.9%, suku kedua sebanyak 5.4%, suku ketiga sebanyak 5.2% dan suku keempat sebanyak 6.4%. Oleh yang demikian, pada keseluruhan tahun 2012, KDNK Malaysia dianggar meningkat sebanyak 5.6% berbanding dengan 5.1% pada tahun 2011. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dipacu oleh ekonomi domestik melalui penggunaan dan pelaburan swasta yang dapat mengurangkan kesan daripada kesederhanaan ke atas permintaan eksport. Tidak dapat disangkal lagi bahawa perkembangan pesat ekonomi domestik berpunca daripada langkah-langkah Kerajaan memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti ETP dan sebagainya. Oleh yang demikian, Kerajaan perlu membuat pinjaman untuk membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan. Pinjaman merupakan pelaburan jangka panjang kerana pelaksanaan projek-projek pembangunan bukan sahaja akan meningkatkan pertumbuhan sektor pembinaan tetapi juga akan memberikan kesan pengganda dan kesan tebaran ke atas lain-lain sektor dalam ekonomi seperti sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pinjaman yang dibuat tidak digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus kerana sejak akhir 1980an, Malaysia tidak pernah mengalami defisit dalam imbalan mengurus (jumlah hasil tolak operasi mengurus). Ini bermakna semua perbelanjaan mengurus dibiayai sepenuhnya oleh sumber hasil

Kerajaan, bahkan terdapat lebih mengurus untuk membantu menampung perbelanjaan pembangunan kerajaan.

Selain pertumbuhan KDNK yang membanggakan, Malaysia juga sentiasa mencatat kadar inflasi yang rendah dan pada 2012 dengan Indeks Harga Pengguna hanya meningkat 3.2%. Malaysia juga sentiasa mencatat kadar pengangguran yang kekal rendah pada kadar 3.2% pada tahun 2012. Selain itu, Malaysia juga mencatat lebih dagangan 17.5% daripada KDNK serta lebih akaun semasa imbangan pembayaran pada kadar 11.5% pada tahun 2012. Semua petunjuk ini mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh.

Perbandingan dari segi kemampuan fiskal antara Malaysia dengan negara-negara Euro yang bermasalah juga memperlihatkan perbezaan yang amat ketara. KDNK Greece menguncup 6.8% pada 2012. Greece mempunyai peratusan hutang Kerajaan/KDNK kira-kira 100% sejak dua dekad yang lampau dan pada 2012 kadar hutang KDNK Greece adalah 166.8%. Greece mengalami kadar inflasi 7.4% (2011) dan kadar pengangguran 24.6% (2012). Imbangan dagangan pula mencatat defisit US\$25.7 billion pada 2012. Ekonomi Portugal pula menguncup 3% pada 2012. Kadar hutang/KDNK adalah 119.4%, kadar pengangguran 15.4% dan imbangan dagangan mencatat deficit US\$10.8 billion pada 2012 **(Jadual 2).**

Jadual 2: Petunjuk Ekonomi Terpilih Bagi Greece, Portugal dan Italy 2012

	GREECE	PORTUGAL	ITALY
KDNK(%)	-6.8	-3.0	-2.0
Hutang/KDNK (%)	166.8	119.4	126.4
Defisit fiscal (% KDNK)	-6.6	-5.1	-3.0
Kadar Inflasi (%)	7.4	2.8	3.3
Kadar Pengangguran (%)	24.6	15.4	10.6
Imbangan Dagangan (US \$Bilion)	-25.7	-10.8	-24.7

Sumber: Economist Intelligence Unit

Oleh yang demikian, walaupun jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kini telah melebihi 50% daripada KDNK namun kemampuan Kerajaan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat serta bayaran faedah tidak perlu dipersoalkan memandangkan kekuatan asas-asas ekonomi Malaysia pada masa ini. Pinjaman yang dibuat dengan kadar faedah yang rendah merupakan pelaburan jangka panjang apabila projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman tersebut terutamanya projek-projek infrastruktur mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara dan memberi kesan positif kepada perkembangan pelbagai sektor lain dalam ekonomi. Namun, sebagai langkah berhemat, Kerajaan perlu memperlahankan kadar pertumbuhan hutang bagi mengelak risiko krisis

ekonomi pada masa hadapan. Pinjaman yang dibuat pula perlu digunakan untuk membiayai projek yang dapat memberikan impak yang ketara kepada kapasiti pengeluaran ekonomi negara.